



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**PENGALAMAN WANITA YANG MENJADI MANGSA KEGANASAN  
RUMAH TANGGA**

**Nur Fadhilah Binti Ismail**

HV  
6250.4  
W65  
N974  
2009

**Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
(Kaunseling)  
2009**

**P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK**

**UNIMAS**



**1000203572**

**PENGALAMAN WANITA YANG MENJADI MANGSA KEGANASAN  
RUMAH TANGGA**

**NUR FADHILAH BINTI ISMAIL**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)  
Kaunseling**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2009**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred: A -

JUDUL : Pengalaman Wanita Yang Menjadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga

SESI PENGAJIAN : 2008/2009

Saya NUR FADHILAH BINTI ISMAIL

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

\*\* sila tandakan ( ✓ )

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
397, FELDA Kemahang 1,  
17510 Tanah Merah,  
KELANTAN.

Tarikh : 2 Mei 2009

Tarikh: 7 Mei 2009

Catatan:

\* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Projek bertajuk 'Pengalaman Wanita Yang Menjadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga' telah disediakan oleh Nur Fadhilah Binti Ismail dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kaunseling.

Diterima untuk diperiksa oleh:



-----  
(Nor Mazlina Binti Ghazali)

Tarikh:

13 April 2009  
-----

Gred

A -

**Pengesahan Pelajar**

Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk  
**“ Pengalaman Wanita Yang Menjadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga ”**  
ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali  
nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

6/05/09

Tarikh:



Nur Fadhillah binti Ismail  
16988

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan setinggi- tinggi penghargaan kepada penyelia Projek Tahun Akhir (KMC 3102) saya, Puan Nor Mazlina binti Ghazali atas segala bimbingan, teguran dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau kepada saya untuk menjalankan kajian bagi Projek Tahun Akhir saya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya ucapkan kepada orang lain yang turut memberikan galakan dan semangat kepada saya bagi menjalankan kajian ini terutama sekali kepada ibu saya iaitu Wan Komariah binti Wan Jusoh serta kakak dan adik saya yang paling banyak memberikan suntikan semangat kepada saya agar tidak berputus asa agar terus menjalankan kajian ini walaupun pada mulanya saya mengalami pelbagai kesukaran untuk mendapatkan peserta kajian. Selain itu, antara orang lain yang turut memainkan peranan penting dalam membantu saya menyiapkan kajian ini ialah para ahli keluarga, para pensyarah dan rakan-rakan yang sentiasa bersama saya ketika saya memerlukan tunjuk ajar dan nasihat yang bermanfaat daripada mereka.

Terima kasih juga ditujukan kepada para peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini kerana tanpa kerjasama yang diberikan oleh mereka, sudah semestinya kajian ini tidak mampu dijalankan dengan baik oleh saya.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam membantu saya menjayakan kajian ini.

## JADUAL KANDUNGAN

|                  | Muka surat |
|------------------|------------|
| Penghargaan      | iii        |
| Jadual Kandungan | iv         |
| Senarai Jadual   | v          |
| Senarai Rajah    | vi         |
| Abstrak          | vii        |
| <i>Abstract</i>  | viii       |

### BAB 1 – PENDAHULUAN

|     |                       |    |
|-----|-----------------------|----|
| 1.0 | Pengenalan            | 1  |
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 2  |
| 1.2 | Kenyataan Masalah     | 4  |
| 1.3 | Objektif Kajian       | 5  |
| 1.4 | Persoalan Kajian      | 6  |
| 1.6 | Kepentingan Kajian    | 6  |
| 1.7 | Definisi Istilah      | 8  |
| 1.8 | Kesimpulan            | 10 |

### BAB 2 – SOROTAN KAJIAN LEPAS

|         |                                                                                |    |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.0     | Pengenalan                                                                     | 11 |
| 2.1     | Konsep Rumah Tangga, Keganasan Rumah Tangga Terhadap Wanita Dewasa dan Konflik |    |
| 2.1.1   | Konsep Rumah Tangga dan Perkahwinan                                            | 12 |
| 2.1.2   | Konsep Wanita Dewasa                                                           | 12 |
| 2.1.3   | Konsep Konflik                                                                 | 13 |
| 2.1.4   | Konsep Keganasan Rumah Tangga Terhadap Wanita                                  | 14 |
| 2.2     | Jenis-jenis Keganasan Rumah tangga                                             | 14 |
| 2.4     | Faktor- faktor Keganasan Rumah Tangga                                          | 16 |
| 2.5     | Kesan- kesan Keganasan Rumah Tangga                                            | 19 |
| 2.6     | Kaedah Menghadapi Konflik Keganasan Rumah Tangga                               | 20 |
| 2.6.1   | Mengubah Cara Pemikiran dan Gaya Hidup Lebih Sihat                             | 20 |
| 2.6.2   | Pendekatan Agama                                                               | 22 |
| 2.6.3   | Penglibatan <i>Mediator</i>                                                    | 23 |
| 2.6.4   | Mendapatkan Sokongan Sosial                                                    |    |
| 2.6.4.1 | Masyarakat dan Anak-Anak                                                       | 23 |
| 2.6.4.2 | Pihak Organisasi                                                               | 24 |
| 2.6.5   | Rumah Kebajikan atau Rumah Perlindungan                                        | 25 |
| 2.6.6   | Proram Pemulihan ( <i>Treatment Program</i> )                                  | 26 |
| 2.6.7   | Membahayakan Diri Sendiri                                                      | 27 |

|       |                           |    |
|-------|---------------------------|----|
| 2.6.8 | Membalas Semula Keganasan | 28 |
| 2.6.9 | <i>Couple Therapy</i>     | 29 |
| 2.7   | Pendekatan Teori          |    |
| 2.7.1 | <i>Narrative Theory</i>   | 31 |
| 2.7.2 | <i>Feminist Therapy</i>   | 33 |
| 2.8   | Kesimpulan                | 34 |

### **BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN**

|       |                                                                                |    |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.0   | Pendahuluan                                                                    | 35 |
| 3.1   | Reka Bentuk Kajian                                                             | 36 |
| 3.2   | Lokasi Kajian                                                                  | 37 |
| 3.3   | Persampelan Kajian                                                             | 38 |
| 3.4   | Peserta kajian                                                                 | 39 |
| 3.5   | Instrumen Kajian                                                               | 40 |
| 3.6   | Kesahan Kajian ( <i>Validity</i> ) dan Kebolehpercayaan ( <i>Reliability</i> ) | 41 |
| 3.7   | Kaedah Pengumpulan Data                                                        | 44 |
| 3.7.1 | Temubual mendalam ( <i>In depth interview</i> )                                | 46 |
| 3.7.2 | Rakaman audio                                                                  | 48 |
| 3.7.3 | Temubual semi-struktur ( <i>Semi-structure interview</i> )                     | 49 |
| 3.8   | Kaedah Penganalisaan Data                                                      |    |
| 3.8.1 | Transkrip                                                                      | 50 |
| 3.8.2 | Pengekoden                                                                     | 51 |
| 3.8.3 | Pentafsiran data                                                               | 52 |
| 3.9   | Etika Kajian                                                                   | 53 |
| 3.10  | Kesimpulan                                                                     | 56 |

### **BAB 4 - HASIL DAPATAN**

|         |                                         |    |
|---------|-----------------------------------------|----|
| 4.0     | Pengenalan                              | 57 |
| 4.1     | Latar Belakang Peserta Kajian           | 58 |
| 4.3     | Hasil Dapatan Kajian                    |    |
| 4.3.1   | Pengalaman hidup                        |    |
| 4.3.1.1 | Penerimaan Awal                         | 60 |
| 4.3.1.2 | Kesukaran Mendapatkan Wang              | 62 |
| 4.3.1.3 | Kesunyian                               | 63 |
| 4.3.1.4 | Pandangan Negatif Masyarakat            | 64 |
| 4.3.2   | Pengalaman konflik                      |    |
| 4.3.2.1 | Keganasan Emosi                         | 66 |
| 4.3.2.2 | Keganasan Lisan                         | 68 |
| 4.3.2.3 | Keganasan Fizikal                       | 69 |
| 4.3.2.4 | Keganasan Seksual                       | 71 |
| 4.3.3   | Pengalaman menangani konflik            |    |
| 4.3.3.1 | Kaedah Menangani Konflik Secara Positif |    |

|     |           |                                         |    |
|-----|-----------|-----------------------------------------|----|
|     | 4.3.3.1.1 | Sokongan Sosial                         | 72 |
|     | 4.3.3.1.2 | <i>Mediator</i>                         | 74 |
|     | 4.3.3.1.3 | Pendekatan Agama                        | 75 |
|     | 4.3.3.1.4 | Penglibatan Pihak organisasi            | 76 |
|     | 4.3.3.1.5 | Gaya Pemikiran yang Lebih Positif       | 77 |
|     | 4.3.3.2   | Kaedah Menangani Konflik Secara Negatif |    |
|     | 4.3.3.2.1 | Melawan Semula keganasan                | 79 |
|     | 4.3.3.2.2 | Membahayakan Diri Sendiri               | 80 |
| 4.4 |           | Penganalisaan Secara Keseluruhan        | 84 |
| 4.5 |           | Kesimpulan                              | 85 |

## **BAB 5 - KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN**

|     |       |                               |    |
|-----|-------|-------------------------------|----|
| 5.0 |       | Pengenalan                    | 86 |
| 5.1 |       | Rumusan Kajian                | 87 |
| 5.2 |       | Limitasi Kajian               |    |
|     | 5.2.1 | Peserta kajian                | 88 |
|     | 5.2.2 | Budaya Masyarakat Malaysia    | 89 |
|     | 5.2.3 | Masa                          | 89 |
|     | 5.2.4 | Metodologi Kajian             | 89 |
| 5.3 |       | Cadangan                      |    |
|     | 5.3.1 | Peserta Kajian                | 90 |
|     | 5.3.2 | Pengurusan Masa               | 91 |
|     | 5.3.3 | Metodologi Kajian             | 91 |
| 5.4 |       | Implikasi Kajian              |    |
|     | 5.4.1 | Bidang Kaunseling             | 92 |
|     | 5.4.2 | Bidang Akademik               | 93 |
|     | 5.4.3 | Masyarakat                    | 94 |
|     | 5.4.4 | Mangsa Keganasan Rumah Tangga | 94 |
| 5.5 |       | Kesimpulan                    | 95 |

|                |    |
|----------------|----|
| <b>RUJUKAN</b> | 96 |
|----------------|----|

## **LAMPIRAN**

|            |                                               |     |
|------------|-----------------------------------------------|-----|
| LAMPIRAN A | Borang Pemberitahuan dan Persetujuan Temubual | 104 |
| LAMPIRAN B | Pengekodan Hasil Temubual                     | 107 |

**SENARAI JADUAL**

**Jadual 1.1**

|                                                    |    |
|----------------------------------------------------|----|
| Lima Peringkat dalam <i>Transtheoretical Model</i> | 21 |
|----------------------------------------------------|----|

**Jadual 1.2**

|                                        |    |
|----------------------------------------|----|
| Lima Peringkat dalam <i>Action Map</i> | 32 |
|----------------------------------------|----|

## **SENARAI RAJAH**

### **Rajah 3.1**

Ringkasan Metodologi Kajian 55

### **Rajah 4.1**

Ringkasan Hasil Dapatan Pengalaman Mangsa Keganasan Rumah Tangga 82

### **Rajah 4.2**

Ringkasan Hasil Dapatan Pengalaman Menangani Konflik 83

## ABSTRAK

### PENGALAMAN WANITA YANG MENJADI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Nur Fadhilah Binti Ismail

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga di mana terdapat dua persoalan kajian dalam kajian ini. Pertama ialah bagaimanakah pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga? dan persoalan kajian kedua ialah apakah kaedah yang digunakan oleh wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga bagi menangani konflik keganasan rumah tangga?. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah temubual secara mendalam dengan peserta kajian dan rakaman audio sebagai metodologi kajian. Peserta kajian dipilih berdasarkan kaedah persampelan *Snow balling*. Kajian ini juga membincangkan etika yang terlibat. Antara hasil dapatan yang diperolehi ialah pengalaman dan kesusahan hidup mereka sepanjang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Di samping itu, antara hasil dapatan kajian ini ialah kaedah yang diambil oleh mangsa keganasan rumah tangga bagi menangani konflik iaitu secara positif dan juga negatif. Antara implikasi kajian ini ialah ia dapat menambah pengetahuan masyarakat mengenai isu keganasan rumah tangga kerana kebanyakan masyarakat tahu mengenainya namun tidak memahami bagaimanakah ia berlaku dan apakah kesan-kesan keganasan rumah tangga ini. Pengkaji juga turut membincangkan beberapa cadangan kepada pengkaji yang lain yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan isu keganasan rumah tangga.

## **ABSTRACT**

### **PENGALAMAN WANITA YANG MENJADI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA**

*Nur Fadhilah Binti Ismail*

*The main objective of this research was to explore the experience of the women that were victim of domestic violence. There are two research questions in this research. First is how the women who are the victim of domestic violence were experience?. Second is what are the coping strategies that used by them to cope with their conflict. For this research, in-depth interview with the participants and audio recording had been chose as the main methodology. The participants had chose based on Snow balling technique. The researcher also was discussing on the ethics of the research. The findings that obtained by the researcher in this research were on the experiences and difficulties of the women that were the victim of domestic violence. Besides that, the researcher also found the coping strategies that had been used by the victim in order to face with their conflicts which are positive and negative strategies. One of the implications of this research is it could give more knowledge to the society. This is because many of us know about the domestic violence issue but does not really understand what it is about especially how it happened and what are the effects of domestic violence. The researcher also discussed some suggestions for the next researchers who will be doing the research which relate to this issue for the future research.*

# **Bab 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini akan membicarakan beberapa bahagian penting dalam kajian yang akan dijalankan. Antara perkara yang dibincangkan ialah latar belakang kajian dan kenyataan masalah bagi menerangkan serba sedikit mengenai sorotan kajian lepas yang menyebabkan pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, bab ini juga membincangkan objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian terhadap pengkaji, masyarakat dan juga mangsa keganasan rumah tangga. Definisi istilah pula digunakan untuk memahami dengan lebih jelas mengenai maksud sesuatu istilah yang digunakan dalam kajian ini. Akhir sekali, bab ini akan membincangkan kesimpulan berdasarkan apa yang telah dibincangkan dalam bab ini.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Isu keganasan rumah tangga tidak lagi dianggap sebagai perkara luar biasa oleh masyarakat kita pada hari ini. Ia sering menghiasi dada akhbar, media massa dan media elektronik seperti televisyen, internet dan radio. Secara umumnya keganasan rumah tangga melibatkan penderaan secara fizikal, mental, emosi dan seksual terhadap mangsa. Ia terjadi sekiranya salah seorang atau kedua-dua daripada pasangan suami isteri melakukan sesuatu tanpa kerelaan pasangannya dan kebiasaannya boleh memudaratkannya.

Menurut Davies (1994), bilangan sebenar kes yang dilaporkan kepada pihak polis, hospital dan rumah kebajikan adalah tidak diketahui memandangkan kebanyakan mangsa menafikannya kerana adanya perasaan takut ia akan menjejaskan institusi kekeluargaan. Salah satu kajian di luar negara yang dilakukan oleh Hedges (2000 dalam Schewe 2002), tinjauan yang dilakukan di Amerika Syarikat menunjukkan pengurangan kes yang dilaporkan iaitu sebanyak 1.1 juta pada 1993 telah berkurang menjadi 90,000 pada 1998. Di Malaysia, terdapat kurang sorotan kajian lepas yang menunjukkan bilangan sebenar kes keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia.

Namun demikian, Schewe (2002) menjelaskan pengurangan kes yang dilaporkan tidak mengubah penyebab utama terjadinya keganasan rumah tangga terhadap wanita. Pengurangan kes ini juga mungkin disebabkan adanya sistem keadilan jenayah dan juga perkembangan ekonomi di bandar. Beliau turut menyatakan, orang ramai diminta berwaspada dengan statistik mengenai pengurangan kes ini kerana terdapat wanita yang tidak melaporkan keganasan yang diterima kerana takut terpisah dengan anak-anak mereka. Ini disebabkan terdapat antara mereka yang akan dihantar ke rumah kebajikan sekiranya hal ini dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Kes keganasan rumah tangga adalah sinonim dengan wanita kerana mereka sering menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Lawson (2003) menyatakan kebanyakan

kes keganasan dilakukan terhadap wanita dan wanita yang melakukan keganasan terhadap suaminya hanyalah sebagai langkah untuk mempertahankan diri mereka setelah menerima keganasan daripada suami mereka. Menurut Davies (1994) pula, keganasan rumah tangga adalah sangat sinonim dilakukan terhadap wanita kerana terdapat budaya yang membenarkan dan menganggapnya sebagai sesuatu yang wajar dilakukan oleh suami kepada isteri.

Apa yang menjadi persoalan kepada masyarakat sehingga kini ialah kenapa keganasan ini masih berterusan sedangkan pelbagai langkah seperti kempen dan seminar telah dijalankan oleh kerajaan untuk mengurangkan kes ini. Menurut Dugan dan Hock (2000), keganasan ini sentiasa berlaku kerana Teori Kitaran Keganasan terdiri daripada tiga (3) peringkat utama iaitu *Honeymoon*, *Tension building* dan *Problem solving*. Menurut beliau lagi, *Honeymoon* ialah peringkat yang paling bahagia di mana suami dikaitkan dengan sikap setia dan penyayang. *Tension building* berlaku apabila suami mula melakukan keganasan seperti memarahi dan memukul isteri. *Problem solving* pula berlaku apabila isteri cuba untuk menenangkan suami. Ketiga-tiga peringkat ini akan sentiasa berulang setelah suami memujuk mangsa dan berjanji tidak akan mengulangnya lagi.

Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka sejauh mana pengalaman mangsa menangani konflik keganasan rumah tangga menyokong teori ini. Mangsa keganasan sangat sinonim dengan sikap sabar dan menerima apa sahaja yang dilakukan oleh suami mereka kerana menganggap ia perkara biasa terjadi dalam perkahwinan terutamanya setelah dipujuk oleh suami mereka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka pengalaman mangsa keganasan rumah tangga berhadapan dengan konflik tersebut dan bagaimana mereka menangani konflik tersebut.

Mangsa keganasan juga sering membiarkan diri mereka dikasari pasangannya dan mendumkan hal ini. Menurut Campbell et al. (1998 dalam Burkitt dan Lawson 2008), kebanyakan mangsa keganasan lebih cenderung untuk terus bersama dengan pasangannya kerana tindakan melarikan diri daripada pasangannya tidak semestinya

memastikan mereka bebas daripada pasangannya. Dalam konteks masyarakat Malaysia pula, terdapat sorotan kajian lepas yang berkaitan wanita di Malaysia yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Sebagai contohnya, Philips, Rosen, Zoellner dan Feeny (2006) menyatakan hasil kajiannya terhadap sindrom *Posttraumatic Stress Disorder (PTSD)* terhadap wanita Malaysia dan Amerika mendapati wanita Malaysia lebih lama bertahan dan hidup dengan pasangan yang menderanya.

## **1.2 Kenyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Pengkaji ingin menjalankan kajian ini kerana kajian sebelum ini jarang mengkaji kaedah yang diambil oleh mangsa keganasan rumah tangga bagi menangani konflik keganasan rumah tangga sebaliknya banyak kajian yang berkaitan dengan kesan-kesan dan faktor-faktor berlakunya konflik keganasan rumah tangga berlaku. Tambahan lagi, kebanyakan kajian sebelum ini adalah berbentuk kuantitatif dan bukannya kualitatif.

Sorotan Kajian lepas juga menunjukkan mangsa keganasan rumah tangga juga akan terdorong menghadapi penyakit berbahaya yang berkaitan dengan emosi dan psikologi seperti kemurungan, dan kebimbangan. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Greene dan Bogo (2002) mendapati wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga akan mengalami gangguan psikologi seperti *Posttraumatic Stress Disorder (PTSD)*, kemurungan dan kurangnya keyakinan diri untuk berhadapan dengan masyarakat.

Tambahan lagi, kebanyakan kajian lepas juga menunjukkan kebanyakan wanita yang menjadi mangsa keganasan ini juga akan cenderung untuk tidak mendedahkan konflik yang dialami. Sebagai contohnya, Hanmer dan Itzin (2008) menyatakan mangsa keganasan rumah tangga selalunya akan menafikan keganasan

yang dilakukan kepadanya dan tidak akan melaporkannya kepada pihak berkuasa seperti pihak polis, mahkamah dan sebagainya.

Kajian lepas bukan sahaja menunjukkan kesan penyakit yang bakal diterima oleh mereka, malah kesan lain yang lebih buruk. Sebagai contohnya risiko mangsa keganasan untuk dibunuh oleh pasangannya sendiri. Ia biasanya dijelaskan oleh kajian dari barat, sebagai contohnya Mullender (1996) menyatakan suami yang melakukan keganasan rumah tangga kepada pasangannya adalah penyebab utama kematian mereka kerana mereka sering didera oleh pasangannya dan masyarakat seharusnya mengambil langkah serius untuk mengatasinya. Walaupun ia merupakan hasil kajian dari barat, pengkaji tidak menolak sebarang kemungkinan ia turut berlaku di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan kerana kajian mengenai isu ini dijalankan di Malaysia adalah kurang berbanding dengan kajian dari barat. Kebanyakan kajian sebelum ini menumpukan kes keganasan yang berlaku di negara-negara barat seperti di Kanada, Amerika dan Rusia. Philips, Rosen, Zoellner dan Feeny (2006) telah menjalankan kajian mereka terhadap wanita Malaysia dan Amerika yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Hasil kajian mereka menunjukkan masalah psikologi yang dialami oleh mereka adalah sama walaupun geografi mereka dan budaya mereka adalah tidak sama. Oleh itu, kajian ini banyak menggunakan sorotan kajian lepas yang telah dilakukan di negara barat sebagai rujukan kepada pengkaji.

### **1.3 Objektif Kajian**

#### **1.3.1 Objektif Umum**

Objektif umum kajian adalah untuk meneroka pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

### **1.3.2 Objektif Khusus**

1. Meneroka pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga berhadapan dengan konflik keganasan rumah tangga.
2. Meneroka pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga menangani konflik keganasan rumah tangga.

### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Bagaimanakah pengalaman wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga berhadapan dengan konflik keganasan rumah tangga?
2. Apakah kaedah yang digunakan oleh wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga bagi menangani konflik keganasan rumah tangga?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Dari aspek pendekatan teori, kajian ini mendedahkan penggunaan teori *Narrative Therapy* yang sesuai diaplikasikan oleh pengkaji baru yang ingin menjalankan kajian berkaitan kes keganasan rumah tangga pada masa akan datang. Terdapat pengkaji lepas juga banyak menggunakan teori ini kerana ia akan menggalakkan seseorang berceritakan dan berkongsi mengenai pengalaman yang dialami. Dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap dapat menambahkan pengetahuan pengkaji mengenai teori ini supaya dapat digunakan dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

Kajian ini lebih menekankan kaedah menangani konflik keganasan rumah tangga oleh mangsa keganasan rumah tangga. Ini kerana kebanyakan pengkaji terdahulu banyak menekankan kesan-kesan dan faktor-faktor berlakunya keganasan rumah tangga ini. Sebagai contohnya Philips, Rosen, Zoellner dan Feeny (2006) yang

banyak menekankan kesan emosi yang dialami oleh wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Ia cukup penting terutama bagi masyarakat yang mempunyai keluarga dan kenalan yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga ini. Kajian ini membolehkan masyarakat lebih memahami keadaan mangsa keganasan rumah tangga dan seterusnya tidak akan mengabaikan mereka.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan menggalakkan mangsa keganasan agar menjadi lebih berani untuk mengambil tindakan dan bersikap lebih terbuka untuk berkongsi dengan orang lain mengenai konflik keganasan rumah tangga yang dialaminya bagi membolehkan mereka menangani keganasan tersebut. Ini kerana kajian ini turut menjelaskan pengalaman wanita lain yang pernah menjadi mangsa keganasan rumah tangga sebelum ini dan kesan-kesannya terhadap institusi kekeluargaan.

Sorotan kajian lepas juga menunjukkan kaedah menangani konflik yang positif dan negatif. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk lebih mendedahkan kaedah menangani konflik yang positif yang telah diambil oleh mangsa keganasan rumah tangga sebelum ini. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat menggalakkan mangsa keganasan agar lebih bersikap positif untuk berhadapan dengan situasi ini dan tidak lagi mengambil alternatif negatif.

Kajian ini juga turut mendedahkan kepada mangsa keganasan rumah tangga dan masyarakat sekeliling mengenai institusi yang bertanggungjawab membantu mangsa keganasan rumah tangga. Antaranya ialah balai polis, rumah perlindungan, rumah kebajikan, pihak mahkamah dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji berharap agar mangsa keganasan dan masyarakat tidak akan membiarkan isu ini berterusan sebaliknya meminta khidmat organisasi berkenaan sekiranya keganasan yang diterimanya semakin kerap dan insititusi kekeluargaannya tidak dapat diselamatkan lagi.

Selain itu, kajian juga bertujuan menggalakkan pengkaji baru yang ingin mengadakan kajian berkenaan isu keganasan rumah tangga di Malaysia dan berbentuk kualitatif. Ini kerana kebanyakan kajian terdahulu menunjukkan banyak kajian yang dilakukan sebelum ini berbentuk kuantitatif dan diadakan di luar negara. Dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap pengkaji baru akan dapat mengembangkan lagi kajian yang akan dilakukan secara kualitatif dan di Malaysia.

## **1.6 Definisi Istilah**

Terdapat dua jenis definisi istilah yang digunakan iaitu definisi konseptual yang merupakan definisi yang diberikan oleh pengkaji dahulu berdasarkan sorotan kajian lepas manakala definisi istilah pula adalah definisi yang diberikan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian ini.

### **1.6.1 Konflik**

#### **Definisi Konseptual**

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohamad (2000, ms. 46), konflik ialah perkara yang sangat kerap berlaku dan sepatutnya dianggap normal dan tidak seharusnya dianggap sebagai masalah yang tidak dapat diselesaikan.

#### **Definisi Operasi**

Dalam kajian ini, konflik ialah perkara yang dianggap masalah dan selalu membuatkan seseorang itu berada dalam dilema dan tidak tenteram apabila memikirkannya. Konflik bukan sahaja memberikan kesan kepada orang yang mengalaminya tetapi juga orang sekelilingnya.

### **1.6.2 Wanita dewasa**

#### **Definisi Konseptual**

Menurut Erick Erikson (seperti yang dinyatakan dalam Santrock 2008, ms. 41), wanita dewasa ialah peringkat umur wanita yang boleh dibahagikan kepada peringkat awal dewasa (20-30 tahun), pertengahan dewasa (30-50 tahun) dan lewat dewasa (60 tahun dan ke atas).

#### **Definisi Operasi**

Dalam kajian ini, wanita dewasa adalah wanita yang telah melepasi peringkat remaja dan meninggalkan alam persekolahan di samping sudah berumah tangga dan bertanggungjawab dalam menguruskan rumah tangganya.

### **1.6.3 Keganasan rumah tangga**

#### **Definisi Konseptual**

Menurut Amirthalingam (2005), seksyen dua dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 menjelaskan keganasan rumah tangga ialah sebarang kelakuan yang memaksa pasangan melakukan sesuatu tanpa kerelaannya dari segi perbuatan dan seksual sedangkan mangsa tersebut berhak membantah paksaan tersebut.

#### **Definisi Operasi**

Dalam kajian ini, keganasan rumah tangga adalah perbuatan seperti menampar, menendang, memukul, memarahi dan melakukan sesuatu yang menyebabkan mangsa berada dalam keadaan tidak selesa yang berlaku dalam perkahwinan sehingga boleh mencetuskan suasana tegang dalam institusi perkahwinan dan menyebabkan konflik berlaku dalam diri mangsa berkenaan.

## **1.7 Kesimpulan**

Bab ini telah membicarakan beberapa perkara penting dalam kajian ini sebagai pengenalan kajian yang akan dilakukan. Antara perkara yang telah dibincangkan ialah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan juga definisi istilah yang akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kajian yang telah dijalankan. Bab seterusnya pula akan membicarakan sorotan kajian lepas yang dilakukan pengkaji terdahulu berkenaan isu keganasan rumah tangga.

## **Bab 2**

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini mengandungi beberapa bahagian yang akan membincangkan sorotan kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu terhadap isu keganasan rumah tangga. Kebanyakan sorotan kajian lepas yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian yang dijalankan di luar negara memandangkan kurangnya sorotan kajian lepas yang dijalankan di Malaysia berkaitan dengan kes ini. Namun demikian, pengkaji akan cuba mengaitkannya dengan konteks masyarakat di Malaysia.